

Siasatan kes pembunuhan kejam wanita yang dikerat 15 memasuki episod baharu

Bunuh, kerat wanita kerana cinta

Kosmo 10/8/2011 Ms 3

Oleh NORHAYATI YAHAYA
norhayati.yahaya@kosmo.com.my

SHAH ALAM – Polis tidak menolak kemungkinan motif pembunuhan seorang wanita yang mayatnya ditemui dikerat 15 bahagian sebelum disumbat di dalam mangkuk tandas sebuah rumah di Blok Chryssa, Apartmen Astaria, Taman Kosas, Ampang Jaya minggu lalu berkaitan cinta dan cemburu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Tun Hisan Tun Hamzah (**gambar**) berkata, ia berdasarkan siasatan ke atas lebih 100 individu dan keterangan yang diambil daripada lebih 40 orang termasuk suami mangsa sejak kes itu disiasat pihaknya pada 3 Ogos lalu.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas sama ada mangsa mengenali suspek atau sebaliknya.

“Suami mangsa didapati tidak terlibat kerana pada hari kejadian (29 Julai, Jumaat), dia

yang tinggal di Ampang tidak bekerja dan menyedari kehilangan isterinya apabila wanita itu tidak pulang ke rumah pada hari yang sama.

“Identiti mangsa dapat disahkan selepas kita menunjukkan gambar dan mengambil rakaman percakapan daripada suaminya,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Khamis lalu, *Kosmo!* melaporkan mayat seorang kanak-kanak lelaki dan wanita ditemui dalam keadaan tragis apabila badan mereka dikerat dan dimasukkan

dalam beg plastik sebelum dicampak ke dalam mangkuk tandas.

Kanak-kanak tersebut dipercayai berusia di antara lima dan enam tahun sementara wanita itu pula berumur lingkungan 30-an. Mereka disyaki telah dibunuh seminggu sebelum mayat mereka ditemui berdasarkan keadaan mereka yang reput dan berbau busuk.

Mengulas lanjut mengenai

Polis menemui satu senjata penukul besi dan kita percaya ia ada kaitan dengan kes ini

TUN HISAN
TUN HAMZAH



kejadian itu, Tun Hisan memberitahu, pihaknya telah merampas senjata iaitu sebatang tukul besi yang dipercayai digunakan suspek dalam pembunuhan dua beranak itu.

Katanya, senjata itu ditemui selepas polis menahan lapan lelaki Bangladesh di kawasan perumahan yang sama selepas siasatan pihaknya memasuki hari keempat.

“Polis merampas tukul besi dan kita percaya ia ada kaitan kerana kecederaan pada mangsa menunjukkan dia telah dipukul dengan senjata itu,” ujarnya.

Ujar Tun Hisan, pihaknya ma-

sih menyiasat punca kematian seorang kanak-kanak lelaki yang mayatnya ditemui dalam sebuah beg plastik di tempat yang sama mayat wanita itu dijumpai.

“Kita dapat maklumat mengatakan itu anak mangsa tetapi kita sedang siasat perkara itu bagi mengesahkannya,” ujarnya.

Tun Hisan bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkembangan siasatan terhadap lapan lelaki yang kini direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu bunuh itu. Sabit kesalahan mereka boleh dihukum mati.

INFO Pembunuhan kejam

3 Ogos 2011 – Seorang penyelenggara bangunan menemui mayat manusia yang ditemui telah dipisahkan dengan sebelah kaki dan beberapa bahagian organ dalamnya disumbat ke dalam mangkuk tandas di sebuah rumah di Blok Chryssa, Apartmen Astaria, Taman Kosas di Ampang Jaya, pukul 4 petang.

4 Ogos – Mayat itu dikenal pasti sebagai seorang wanita dewasa dan kanak-kanak.

6 Ogos – Empat hari selepas penemuan mangsa pembunuhan kejam itu polis menahan lapan lelaki warga asing bagi membantu siasatan kes tersebut.

7 Ogos – Polis menemui petunjuk baharu iaitu alat digunakan untuk membunuh mangsa.

8 Ogos – Mayat mangsa disahkan mempunyai hubungan kekeluargaan iaitu ibu dan anak. Polis juga telah mengambil keterangan suami mangsa